KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## SABTU, 23 SEPTEMBER 2023

## LAPORAN HARIAN

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



23/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **PROGRAM JERAYAWARA KASIH KPWKM@ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL, KUALA TERENGGANU** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=Y2WiSLg8poQ | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **IMPIAN ZAITON MILIKI RUMAH BAKAL TERCAPAI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/rap/2023/09/1012364/impian-zaiton%C2%A0miliki-rumah%C2%A0bakal-tercapai | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **PROGRAM PENDAFTARAN KGC DI THE SPRING BINTULU DAPAT SAMBUTAN** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/22/program-pendaftaran-kgc-di-the-spring-bintulu-dapat-sambutan | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **JKM CARI WARIS JEVARAJ** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/280399/berita/semasa/jkm-cari-waris-jevaraj | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **SCWT, JKM ANJUR PROGRAM LAWATAN KASIH DI PELBAGAI LOKASI DI SIBU** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/22/scwt-jkm-anjur-program-lawatan-kasih-di-pelbagai-lokasi-di-sibu | UTUSANBORNEO.COM.MY |

23/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **95 MANGSA BANJIR DIPINDAHKAN KE PPS DI BEAUFORT** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1012375/95-mangsa-banjir-dipindahkan-ke-pps-di-beaufort | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1155990/95-mangsa-banjir-dipindahkan-di-beaufort | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **297 MANGSA BANJIR DI P.PINANG, KEDAH DAN PERAK** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/09/22/297-mangsa-banjir-di-p-pinang-kedah-dan-perak/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2023/09/22/hujan-lebat-punca-banjir-landa-3-kampung/ | HARAKAHDAILY.NET |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **BANJIR : MANGSA BANJIR DI LIMBANG MENINGKAT KEPADA 195 ORANG** | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/banjir-mangsa-banjir-di-limbang-meningkat-kepada-195-orang/ | BULETINTV3.MY |
| | https://tvstv.my/2023/09/22/mangsa-banjir-ditempatkan-di-pps-mendamit-bertambah/ | TVSTV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **PENOREH GETAH RAYU BANTUAN, RUMAH PAPAN MAKIN UZUR** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/22/penoreh-getah-rayu-bantuan-rumah-papan-makin-uzur/ | KOSMO.COM.MY |

23/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **BANJIR KILAT DI BEBERAPA NEGERI SUSULAN FASA PERALIHAN MONSUN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1012342/banjir-kilat-di-beberapa-negeri-susulan-fasa-peralihan-monsun | HMETRO.COM.MY |
| | https://selangorkini.my/2023/09/banjir-kilat-di-beberapa-negeri-susulan-fasa-peralihan-monsun-hingga-november/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2228026 | BERNAMA.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **SINDROM KEJUTAN DENGGI BOLEH BAWA MAUT** | |
| | https://www.utusan.com.my/gaya/2023/09/sindrom-kejutan-denggi-boleh-bawa-maut/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **PUTRAJAYA APPOINTS FIRST FEMALE CUSTOMS DG** | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/09/958431/putrajaya-appoints-first-female-customs-dg | NST.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **SAYA MAHU JUMPA DIA SAJA, KATA LELAKI DITUDUH MENGINTAI PEMBACA BERITA WANITA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/09/1012230/saya-mahu-jumpa-dia-saja-kata-lelaki-dituduh-mengintai-pembaca-berita-wanita | HMETRO.COM.MY |

23/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **ANGKARA HUTANG, ISTERI DICULIK, DISEKSA SELAMA 10 HARI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/09/1012155/angkara-hutang-isteri-diculik-diseksa-selama-10-hari | HMETRO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/09/22/wanita-diseksa-dikurung-10-hari-angkara-suami-didakwa-berhutang/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/wanita-indonesia-diculik-didera-10-hari-kerana-hutang-rm540000-suami/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/video/2023/09/wanita-indonesia-diculik-didera-10-hari/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.malaysiakini.com/news/680151 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/berita/wanita-diculik-dan-dicederakan-selepas-suami-gagal-bayar-hutang-JH11524638 | THESUNDAILY.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **"TIDAK WAJAR MANIPULASI BUDAYA, AGAMA UNTUK KURANGKAN HAK WANITA" - NORAINI** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-dunia/tidak-wajar-manipulasi-budaya-agama-untuk-kurangkan-hak-wanita-noraini-438621 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **BAYI 7 BULAN ANTARA MANGSA BANJIR DIPINDAHKAN DI PPS** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/bayi-7-bulan-antara-mangsa-banjir-dipindahkan-di-pps/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/22/bayi-7-bulan-antara-mangsa-banjir-dipindahkan-ke-pps-changkat-lobak/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=yAJfX8IF4FI | YOUTUBE |

23/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **TEMAN WANITA MANGSA ANTARA DISAMBUNG REMAN SIASATAN MAYAT DITEMUI DALAM KERETA** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/09/22/teman-wanita-mangsa-antara-disambung-reman-siasatan-mayat-ditemui-dalam-kereta/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **KERETA TERBABAS, EMPAT TERMASUK SEORANG WANITA DITAHAN CURI KABEL** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kereta-terbabas-empat-termasuk-seorang-wanita-ditahan-curi-kabel-438553 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **BANJIR: WANITA HAMPIR LEMAS TERJATUH DARIPADA SAMPAN** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/banjir-wanita-hampir-lemas-terjatuh-daripada-sampan/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **ANAK MENGAKU SALAH UGUT IBU** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1155916/anak-mengaku-salah-ugut-ibu | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **MURID OKU DIBERI PENDEDAHAN LEBIH LUAS DALAM SENI VISUAL** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/280387/berita/nasional/murid-oku-diberi-pendedahan-lebih-luas-dalam-seni-visual | SINARHARIAN.COM.MY |

23/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **LELAKI MENGAKU SALAH ROGOL ADIK IPAR USIA 11 TAHUN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/280322/berita/semasa/lelaki-mengaku-salah-rogol-adik-ipar-usia-11-tahun | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1012228/penganggur-mengaku-salah-rogol-adik-ipar-umur-11-tahun | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **KOPI SAIGON INDERA MAHKOTA 7 TAWAR DISKAUN UNTUK OKU** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/kopi-saigon-indera-mahkota-7-tawar-diskaun-untuk-oku/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **SANTUNAN KASIH PERAK TINGKAT KUALITI WARGA EMAS** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/280374/edisi/perak/santunan-kasih-perak-tingkat-kualiti-warga-emas | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **EBIT LIEW SAMAN CAPRICE, MONDY** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1156035/ebit-liew-saman-caprice-mondy | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/09/1012369/ebit-lew-saman-caprice-mondy | HMETRO.COM.MY |

23/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | **KPM LANCAR GARIS PANDUAN TANGANI KES BULI, GANGGUAN SEKSUAL** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpm-lancar-garis-panduan-tangani-kes-buli-gangguan-seksual-438567 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/garis-panduan-tangani-buli-gangguan-seksual-di-institusi-pendidikan-dilancar/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=1OFPxirzNAQ | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=-960p7B3Xeo | YOUTUBE |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1155847/kpm-lancar-garis-panduan-tangani-buli-gangguan-seksual-pelajar | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/280361/berita/nasional/kpm-lancar-garis-panduan-tangani-buli-gangguan-seksual-pelajar | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.malaysiakini.com/news/680173 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/09/22/kpm-lancar-garis-panduan-salah-laku-buli-gangguan-seksual/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/71464-kpm-garis-panduan-tangani-kes-buli-gangguan-seksual-dilancar | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/kpm-lancar-garis-panduan-tangani-kes-buli-gangguan-seksual-EH11525625 | THESUNDAILY.MY |
| | https://tvstv.my/2023/09/22/kpm-lancar-garis-panduan-tangani-isu-buli-gangguan-seksual-fadhlina/ | TVSTV.MY |
| | https://harapanmadani.com/kpm-lancar-garis-panduan-tangani-buli-gangguan-seksual-pelajar/ | HARAPANMADANI.COM |

23/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 27 | **13 INDIVIDU DIPANGGIL BANTU SIASATAN DAKWAAN GANGGUAN SEKSUAL BABITKAN PENDAKWAH TERKENAL** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=GYs-bJREUjE | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 28 | **KUMPUL DATA, CERITA SEBENAR DEMI DRAMA PROVOKATIF GANGGUAN SEKSUAL** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/kumpul-data-cerita-sebenar-demi-drama-provokatif-gangguan-seksual/ | UTUSAN.COM.MY |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KEDAH, PERAK DAN SARAWAK DILANDA BANJIR KILAT | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 23 SEPT 2023 | M/SURAT : | 14 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Kedah, Perak dan Sarawak dilanda banjir kilat

**Kuala Lumpur:** Hujan beberapa jam mengakibatkan limpahan sungai di beberapa kawasan di tiga negeri, kelmarin.

Di **Baling**, Kedah, banjir kilat menjejaskan penduduk Kampung Tawar, Kampung Iboi dan Kampung Padang Empang.

Dua pusat pemindahan sementara (PPS) yang menempatkan 102 mangsa daripada 33 keluarga ditutup petang semalam.

Mangsa banjir Kampung Tawar, Mohd Amirul Afif Ibrahim, 30, banjir kilat kali ini paling teruk kerana biasanya air hanya naik sekitar tebing sungai.

"Habis barang dalam kedai runcit termasuk beras, tepung dan gula ditenggelami air," katanya.

Dalam kejadian itu kira-kira 7 malam itu, 33 penduduk daripada 91 mangsa dari Kampung Tawar dipindahkan ke Masjid Islahiyah Tawar, manakala 11 mangsa daripada dua keluarga dipindahkan ke Masjid Kampung Binjul Luar Tawar.

Seorang lagi mangsa banjir, Siti Aisyah Mat Sabri, 23, berkata beliau tidak sempat menyelamatkan barang dalam rumah dan hanya memikirkan menyelamatkan diri dan anak sulungnya, Muhammad Rais Izham Mohd Isa, 4.

Katanya, air mula memasuki rumah pada jam 6.30 petang hingga ke paras pinggang dan tidak sampai 30 minit kemudian, bahagian bawah rumah dua tingkatnya ditenggelami air.

"Suami, Mohd Isa Hashim, 33, ketika itu sedang memindahkan kereta, manakala anak bongsu kami, Muhammad Razif Izhan, setahun tiga bulan berada di rumah nenek.

"Saya dan anak duduk di tingkat atas yang ketika itu sudah dinaiki air dan pada jam 11 malam, suami bersama pasukan penyelamat datang membantu kami dengan bot," katanya.

## Tak sempat selamat pakaian

Norani Abdul Samad, 58, pula berkata, beliau tidak sempat menyelamatkan pakaian atau barang lain kerana air masuk dengan cepat.

Katanya, ketika itu hanya suami, Johari Lateh, 59, serta anak bongsunya, Nurul Fatin Izzati Johari, 21, berada dalam rumah.

"Air masuk dengan cepat ke dalam rumah sehingga ke paras dada. Kami berpindah dengan bantuan pasukan penyelamat," katanya.



*Penduduk kampung di Baling dipindahkan berikutan banjir kilat.* (Foto APM)

Pasukan bomba menghadapi kesukaran ketika operasi menyelamat mangsa banjir kilat di daerah ini berikutan arus kuat dan paras air yang tinggi.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Baling, Penolong Penguasa Bomba Mohd Jamil Md Daud, berkata pasukan penyelamat hanya dapat masuk ke kawasan banjir selepas air surut dengan menggunakan bot.

Di **Ipoh**, jumlah mangsa banjir kilat di Perak menurun kepada sembilan keluarga membabitkan 19 mangsa setakat jam 4 petang semalam, berbanding 19 keluarga dengan 38 mangsa pada 2 petang.

Jumlah itu membabitkan mangsa di tiga pusat pemindahan sementara (PPS) membabitkan dua daerah iaitu Larut, Matang dan Selama serta Batang Padang.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Perak memaklumkan dua PPS, iaitu di Dewan Orang Ramai Kampung Simpang Halt di Taiping dan Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Jernih di Selama yang kedua-duanya di daerah Larut, Matang dan Selama, ditutup jam 12.30 tengah hari semalam.

Di **Kuching**, ada 199 mangsa banjir di Limbang daripada 62 keluarga di PPS Dewan Masyarakat Mendamit.

Daripada jumlah itu, ada dua orang kelainan upaya lelaki serta tujuh warga emas lelaki dan enam warga emas wanita.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PANDUAN PENGURUSAN BULI, GANGGUAN SEKSUAL DILANCAR | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 23 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Panduan pengurusan buli, gangguan seksual dilancar

## Semua institusi pendidikan KPM akan guna pakai bagi kekang salah laku

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my



*Fadhlina beramah mesra dengan pelajar pada Program Sahsiah Terbilang Hentikan Buli Membentuk Anak yang Baik lagi Cerdik serta Pelancaran Garis Panduan Pengurusan Buli dan Gangguan Seksual di Institusi Pendidikan, di Bukit Mertajam, semalam.* (Foto Danial Saad/BH)

**Bukit Mertajam:** Kementerian Pendidikan (KPM) melancarkan Garis Panduan Pengurusan Buli dan Gangguan Seksual, dalam usaha mengekang gejala salah laku tidak bermoral daripada terus menular dalam kalangan pelajar di negara ini.

Menterinya, Fadhlina Sidek, berkata garis panduan itu akan diguna pakai oleh semua institusi pendidikan di bawah KPM, bagi membolehkan kedua-dua isu itu ditangani sepenuhnya melalui pelbagai kaedah antaranya advokasi dan program intervensi.

Katanya, pelaksanaan garis panduan merangkumi pelbagai komponen itu akan diperincikan melalui surat pekeliling yang dikeluarkan pihaknya nanti ke semua institusi pendidikan.

"Garis panduan dua salah laku ini akan digunakan di semua institusi pendidikan di bawah KPM meliputi sekolah, Kolej Matrikulasi, Kolej Tingkatan Enam dan Institut Pendidikan Guru (IPG)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan garis panduan itu di Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabudin, di sini, semalam.

Sebelum itu pada majlis sama, Fadhlina yang juga Ahli Parlimen Nibong Tebal, menyempurnakan Program Sahsiah Terbilang Hentikan Buli Membentuk Anak Yang Baik Lagi Cerdik yang dihadiri guru dan pelajar sekolah itu.

Beliau berkata, garis panduan itu dihasilkan jawatankuasa khas yang dilantik pihaknya dengan kerjasama rakan sinergi yang banyak membantu dalam urusan pengendalian salah laku buli dan gangguan seksual.

### Karamah Insaniah

"Kita (KPM) doakan dan memberikan sepenuh komitmen untuk melaksanakan garis panduan ini dengan kerjasama daripada peringkat JPN (Jabatan Pendidikan Negeri) dan PPD (Pejabat Pendidikan Daerah) bagi memastikan isu ini dapat diselesaikan segera.

"Apa yang menjadi keutamaan kita adalah teras utama KPM iaitu 'Karamah Insaniah' yang kita terapkan adalah untuk memelihara maruah manusia dan mengelak penindasan berlaku dalam ekosistem sekolah kita.

"Ini komitmen besar dan sebab itu juga saya sebut bahawa tiga dosa besar di peringkat KPM adalah buli, gangguan seksual dan perkauman yang kita tidak akan kompromi," katanya

Mengulas situasi salah laku yang didapati meningkat sejak kebelakangan ini, Fadhlina berkata, ia masih terkawal memandangkan pihaknya mempunyai proses kerja yang efisien.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENGANGGUR MENGAKU SALAH ROGOL ADIK IPAR | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 23 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Penganggur mengaku salah rogol adik ipar

**Ipoh:** Seorang penganggur yang didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini semalam, mengaku bersalah terhadap tuduhan merogol adik ipar berusia 11 tahun minggu lalu.

Tertuduh berusia 22 tahun itu membuat pengakuan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Norita Mohd Ardani.

Lelaki itu merogol mangsa yang berumur 11 tahun lapan bulan di sebuah rumah di Taman Bersatu, di sini kira-kira jam 11 malam 16 September lalu.

Pertuduhan dibaca mengikut Seksyen 376 (2)(e) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang 10 tahun dan tidak melebihi 30 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Pertuduhan itu turut dibaca bersama Seksyen 16 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang jika sabit kesalahan memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun dan tidak kurang dua sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa, Asisten Superintendan Rhozariah Mohd, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan 23 Oktober ini untuk sebutan semula kes.



*Tertuduh dibawa ke Mahkamah Sesyen Ipoh, semalam.* (Foto L Manimaran/BH)

## Dua remaja didakwa rogol

Sementara itu, dua remaja termasuk pelajar tahfiz didakwa di Mahkamah Majistret, di sini, semalam, terhadap tuduhan merogol remaja bawah umur berusia 14 tahun minggu lalu.

Pelajar tahfiz berusia 16 tahun dan seorang lagi tertuduh berusia 17 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Farah Nabihah Muhamad Dan.

Mengikut kertas pertuduhan yang dibacakan secara berasingan, mereka didakwa merogol mangsa sama yang pada waktu kejadian mangsa berusia 14 tahun enam bulan di sebuah lot di Jalan Gopeng, Kampung Sindu, di sini, kira-kira jam 4.30 petang 15 September lalu.

Kedua-dua tertuduh itu turut berdepan dengan pertuduhan kedua iaitu melakukan perbuatan sama (merogol) mangsa sama di lokasi yang sama namun pada tarikh berbeza iaitu sehari selepasnya kira-kira jam 9.30 pagi 16 September lalu.

Kesalahan itu yang boleh dihukum mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, bagi setiap pertuduhan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa, Inspektor N Ganesan, manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam, Mohamad Khazali Yin.

Mahkamah membenarkan kedua-dua tertuduh dijamin RM3,000 dengan seorang penjamin, setiap seorang dan menetapkan sebutan semula kes pada 1 November ini.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS SELAMATKAN 4 REMAJA BURUH PAKSA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 23 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |


# Polis selamatkan 4 remaja buruh paksa

**Klang:** Empat remaja berusia 17 tahun yang dieksploitasi menjadi buruh paksa diselamatkan polis dalam serbuan di sebuah kilang logam terpakai di Telok Gong, di sini.

Serbuan jam 3.30 petang kelmarin, dijalankan Bahagian Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran D3 (Atipsom) Bukit Aman bersama Pasukan Khas Majlis Anti Pemerdagangan Orang (MAPO) Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Tenaga Kerja.

Ketua Penolong Pengarah D3 Atipsom, JSJ Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Fadil Marsus berkata, mangsa terdiri daripada tiga remaja lelaki dan seorang remaja perempuan warga Myanmar yang mula bekerja antara dua hingga lima bulan lalu.

Dalam serbuan itu, Fadil berkata, seramai 40 warga asing termasuk 10 wanita berusia antara 21 hingga 45 tahun turut ditahan atas kesalahan tidak memiliki dokumen perjalanan sah.

Menurutnya, warga asing lelaki yang ditahan terdiri daripada 34 warga Myanmar; Kemboja (3); Nepal (2) dan Bangladesh (1).

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | USTAZ, ISTERI DALANG PALSUKAN DOKUMEN UNHCR | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 23 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Ustaz, isteri dalang palsukan dokumen UNHCR

**Kangar:** Suami isteri yang mengendali sebuah madrasah untuk anak-anak Rohingya ditahan Jabatan Imigresen (Imigresen) kerana disyaki mendalangi sindiket pemalsuan dokumen Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR).

Lelaki yang ditahan itu juga dikesan bertindak sebagai kadi bagi pasangan etnik berkenaan berdasarkan penemuan khutbah nikah, selain mengeluarkan sijil nikah palsu.

Pengarah Imigresen Perlis, Khairul Amin Talib, berkata serbuan dibuat menerusi Ops Serkap di Kampung Permatang Pauh, Simpang Empat kira-kira jam 10 pagi kelmarin oleh 36 pegawai Imigresen.

"Serbuan dilakukan terhadap tujuh rumah disewa komuniti Rohingya yang mana hasil pemeriksaan mendapati satu premis ini dijadikan madrasah.

"Pemeriksaan selanjutnya menjumpai komputer riba dengan 200 dokumen berformat PDF berhubung permohonan surat dalam proses pertimbangan UNHCR dipercayai palsu dipohon warga Myanmar daripada etnik itu yang tinggal di beberapa negeri.

"Kita percaya suspek yang berkhidmat sebagai pengajar al-Quran berusia 30 tahun dan isterinya yang berusia 24 tahun ini mendalangi kegiatan ini sejak sekian lama," katanya kepada media di Pejabat Imigresen Perlis di Kompleks Kementerian Dalam Negeri (KDN) Perlis, di sini semalam.

Katanya, dalam serbuan itu juga pihaknya turut menemui sijil pernikahan palsu dipercayai turut dikeluarkan sindiket berkenaan.

"Berdasarkan siasatan awal, suspek akan menerima permohonan surat itu menerusi aplikasi media sosial atau pemohon sendiri yang hadir menemui suspek untuk melakukan permohonan yang mana setiap permohonan dikenakan bayaran RM50.

"Apabila surat itu siap, ia akan dimuat naik dalam bentuk PDF menerusi aplikasi WhatsApp atau lain aplikasi sebelum dicetak oleh pemohon sendiri.

"Semakan dalam komputer riba suspek mendapati ada 200 permohonan warga Myanmar daripada etnik itu," katanya.

Khairul Amin berkata, dalam serbuan itu, pihaknya merampas dua komputer riba dan telefon bimbit dan sebuah tablet jenama Samsung.

"Selain itu, kita turut merampas sebuah 'pendrive', dua kad SD, dua set kad perniagaan, dua buku log atau rekod untuk pelajar dan bayaran proses UNHCR, wang tunai RM5,300 serta beberapa sijil cetakan surat dalam proses pertimbangan UNHCR dan sijil nikah Rohingya Malaysia.

"Bagi pengeluaran sijil nikah kahwin etnik itu, kita percaya suspek juga bertindak sebagai kadi etnik itu berdasarkan penemuan khutbah nikah dalam simpanan mereka," katanya.

Kedua-dua suspek direman selama 14 hari bermula kelmarin bagi siasatan mengikut Seksyen 56 (1A) dan Seksyen 6(1) Akta Imigresen 1959/63.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA DISEKSA, DIUMPIL KUKU ANGKARA HUTANG SUAMI | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 23 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita diseksa, diumpil kuku angkara hutang suami

## 14 suspek kena reman tujuh hari bantu siasatan

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my



*Kok Chin menunjukkan gambar suspek pada sidang media di IPK Pulau Pinang, Georgetown, semalam.* (Foto Mikail Ong)

**Georgetown:** Angkara suami tidak membayar hutang, seorang wanita terpaksa mengharungi detik ngeri apabila diculik dan diseksa, termasuk kuku diumpil menggunakan jarum sepanjang 10 hari dalam kurungan di sebuah rumah.

Wanita malang yang juga dicucuh rokok di tangannya, diikat kaki dan tangan dengan rantai besi dan pengikat kabel diselamatkan pasukan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, JSJ Pulau Pinang dan JSJ Selangor, Ahad lalu.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Khaw Kok Chin, berkata terdahulu seorang lelaki Indonesia membuat laporan di Balai Polis Kinrara, Selangor mendakwa isterinya yang sedang bercuti di Georgetown, diculik sekumpulan individu tidak dikenali.

Katanya, lelaki berkenaan mendakwa isterinya dikurung dan dicederakan di lokasi tidak diketahui dan suspek meminta RM540,000 bagi melepaskan mangsa.

"Bertindak atas maklumat, mangsa diselamatkan dalam Op Scorpion menerusi serbuan terhadap sebuah rumah di Shah Alam, Selangor, pada jam 5.10 pagi.

"Yang turut diselamatkan seorang lagi lelaki yang mendakwa dikurung kerana gagal menjelaskan hutang dan kedua-dua mangsa masing-masing berusia 36 dan 27 tahun," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang, di sini, semalam.

Kok Chin berkata, susulan itu pada hari sama antara jam 6 pagi hingga 10.30 malam, polis menahan 14 suspek disyaki terbabit dalam kes itu.

Katanya, mereka terdiri daripada 10 lelaki dan dua wanita warga tempatan serta dua lelaki warga asing berusia antara 23 hingga 70 tahun.

"Mereka ditahan di sekitar Pulau Pinang, Perak, Kuala Lumpur dan Selangor dan ujian saringan air kencing terhadap semua suspek didapati negatif dadah, selain lima daripadanya mempunyai rekod lampau berkaitan jenayah dan dadah.

"Semua suspek termasuk dalang berusia 35 tahun direman tujuh hari sehingga 23 September bagi membantu siasatan," katanya,

### Sudah lunas RM50,750

Antara yang dirampas ialah empat kereta, telefon bimbit, pengikat kabel, jarum, batang besi, rantai besi, getah paip dan wang tunai berjumlah RM4,800.

Menurut Kok Chin, siasatan mendapati pengadu yang bekerja sebagai kontraktor di Malaysia itu berhutang dengan suspek dan sudah menjelaskan RM50,750 menerusi dua transaksi, namun mangsa masih tidak dibebaskan.

Katanya, ada kesan cedera pada badan kedua-dua mangsa dipercayai akibat didera suspek.

"Terdapat kesan luka pada tangan mangsa dipercayai dicucuh dengan puntung rokok, manakala kuku pula diumpil menggunakan jarum, selain kaki dan tangan turut diikat menggunakan pengikat kabel serta rantai besi.

"Mereka menggunakan kenderaan yang berlainan bagi membawa mangsa ke Shah Alam supaya pergerakan mereka sukar dikesan.

"Polis masih menjalankan siasatan sama ada suspek mempunyai kaitan dengan sindiket along. Hutang perlu dijelaskan, tetapi cara dilakukan suspek tidak wajar," katanya.

Mangsa kini masih dirawat di hospital serta berada dalam keadaan stabil dan kes disiasat mengikut Seksyen 3(1) Akta Culik 1961.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain kelmarin dilaporkan berkata siasatan mendapati warga asing itu terbabit satu urus niaga, namun ia terbengkalai di tengah jalan menyebabkan ahli keluarganya diculik.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAYI 5 BULAN AMBIL 4 UBAT | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 23 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 21 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# BAYI 5 BULAN AMBIL 4 UBAT

***Budak dilahirkan dengan berat hanya 1.2 kilogram sukar membesar kerana masalah paru-paru***

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

**Tumpat**

Wan Shahrul Ramadhan Wan Azrizan dilahirkan dengan berat 1.2 kilogram (kg) sahaja dan selepas lima bulan, bayi itu sukar membesar dengan baik kerana masalah paru-paru.

Ibunya, Siti Noraini Mohd Syukri, 36, berkata, dia melahirkan anak bongsu itu secara kecemasan ketika kandungan tujuh bulan kerana mengalami darah tinggi.

Katanya, ketika di hospital, dia sudah bersiap sedia dengan sebarang kemungkinan memandangkan darah naik mendadak dan sukar stabil.

"Doktor gesa bersalin segera bagi mengelak risiko lain dan macam-macam perasaan timbul ketika itu, hinggalah saya pilih bersalin secara pembedahan.

"Sebaik dilahirkan, Wan Shahrul terus dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) kerana saiznya yang sangat kecil serta mengalami komplikasi paru-paru.

"Dua bulan berkampung di hospital sebelum anak dibenar keluar. Namun tidak sampai seminggu berada di rumah, dia kembali dirawat kerana masalah pernafasan," katanya ketika ditemui di rumah mentuanya di Kampung Talak di sini.

Terdahulu, keluarga itu menerima kunjungan aktivis masyarakat, Wan Zahari Wan Othman yang hadir menyampaikan bantuan dan zakat.

Menurutnya, sejak dilahirkan Wan Shahrul sudah tiga kali dirawat di hospital dan terbaharu pada bulan ini yang disebabkan kuman dalam darah.

"Anak saya perlu mengambil empat jenis ubat setiap hari serta dibekalkan dua jenis pam untuk bantuan pernafasan.

"Dia juga perlukan susu khas yang harganya agak mahal buat kami yang bergantung kepada suami hanya bekerja sebagai tukang rumah," katanya yang mempunyai dua lagi anak masih bersekolah.

**"Doktor gesa bersalin segera bagi mengelak risiko lain dan macam-macam perasaan timbul ketika itu"**



SITI Noraini memangku Wan Shahrul yang dilahirkan ketika berusia tujuh bulan dalam kandungan kerana faktor darah tinggi yang naik mendadak.



WAN Zahari mengunjungi Wan Shahrul yang mengalami masalah paru-paru sambil menyerahkan bantuan makanan serta sumbangan wang zakat.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DUA REMAJA MENGAKU TIDAK BERSALAH | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 23 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

DIDAKWA ROGOL REMAJA 14 TAHUN

# Dua remaja mengaku tidak bersalah

**Ipoh:** Dua remaja lelaki termasuk seorang daripadanya pelajar tahfiz didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan merogol remaja perempuan berusia 14 tahun, minggu lalu.

Kedua-dua tertuduh iaitu pelajar tahfiz berusia 16 tahun dan tertuduh berusia 17 tahun mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Majistret Farah Nabihah Muhamad Dan.

Mengikut kertas pertuduhan yang dibacakan secara berasingan, mereka didakwa merogol mangsa yang ketika kejadian berusia 14 tahun enam bulan di sebuah lot di Jalan Gopeng, Kampung Sindu, di sini, kira-kira 4.30 petang, 15 September lalu.



**DUA remaja lelaki termasuk seorang daripadanya adalah pelajar sekolah tahfiz didakwa di Mahkamah Majistret.**

Kedua-dua tertuduh turut berdepan pertuduhan melakukan perbuatan sama di lokasi yang sama pada 16 September, kira-kira 9.30 pagi.

Perbuatan itu adalah kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Inspektor N Ganesan manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam, Mohamad Khazali Yin.

Mahkamah membenarkan kedua-dua tertuduh dijamin RM3,000 dengan seorang penjamin, setiap seorang.

Mahkamah turut menetapkan 1 November depan untuk sebutan semula kes sementara menunggu laporan perubatan mangsa serta dokumen berkaitan yang lain.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MANGSA BANJIR DI LIMBANG BERTAMBAH | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 23 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Mangsa banjir di Limbang bertambah

**Kuching:** Jumlah mangsa banjir di Limbang bertambah, semalam dengan 195 orang daripada 62 keluarga ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) Dewan Masyarakat Mendamit.

Daripada jumlah itu, 49 adalah lelaki dan 67 wanita dewasa, 48 kanak-kanak, dua orang kelainan upaya (OKU) lelaki serta tujuh warga emas lelaki dan enam warga emas wanita, manakala bayi pula seramai 16 orang.

Jurucakap Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Limbang berkata, peningkatan itu berlaku berikutan penduduk sebuah lagi kampung yang terpaksa dipindahkan.

Menurutnya, sebelum ini PPS berkenaan hanya menempatkan penduduk Kampung Baru Mendamit namun kelmarin, penduduk Kampung Tanjong turut dipindahkan.

**"Paras air di Stesen Ukong pula kini berada pada tahap merah iaitu bahaya dan trend air naik"**

"PPS Dewan Masyarakat Mendamit dibuka bermula jam 4.30 petang, Rabu lalu dan ia dalam keadaan terkawal dengan seliaan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak (JKMNS) dan APM," katanya.

Beliau berkata, beberapa

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEMUDA 22 TAHUN MENGAKU BERSALAH | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 23 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

**DIDAKWA ROGOL ADIK IPAR 11 TAHUN**

# Pemuda 22 tahun mengaku bersalah

**Ipoh:** Seorang penganggur mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan merogol kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun yang juga adik iparnya, minggu lalu.

Tertuduh berusia 22 tahun itu membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Norita Mohd Ardani.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki itu merogol kanak-kanak berkenaan yang ketika kejadian berumur 11 tahun 8 bulan di sebuah rumah di sini kira-kira jam 11 malam 16 September lalu.

Pertuduhan dibaca mengikut Seksyen 376 (2)(e) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang 10 tahun dan tidak melebihi 30 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Pertuduhan itu turut dibaca bersama Seksyen 16 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang jika sabit kesalahan memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun dan tidak kurang dua sebatan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa, Asisten Superintendan Rhozariah Mohd manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan tarikh 23 Oktober depan untuk sebutan semula kes.

Mengikut laporan, tertuduh yang juga bapa kepada seorang anak memanggil mangsa di ruang tamu rumah dan meminta bantuan mangsa untuk mengorek telinga sebelum tiba-tiba menarik mangsa naik ke bilik lalu merogol mangsa.




TERTUDUH (kanan) mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Ipoh atas pertuduhan merogol adik iparnya yang berusia 11 tahun minggu lalu. - Gambar NSTP/L MANIMARAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SEKSA KUKU DIUMPIL | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 23 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

ISTERI DICULIK GARA-GARA SUAMI TAK BAYAR HUTANG

# SEKSA KUKU DIUMPIL

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

**Georgetown**

Tangan dicucuh puntung rokok, kuku diumpil menggunakan jarum dan diikat dengan rantai besi menjadi antara bentuk seksaan yang dihadapi seorang wanita yang diculik dan diseksa selama 10 hari.

Semuanya berpunca akibat suaminya tidak membayar hutang sebelum dia diselamatkan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, JSJ Pulau Pinang dan JSJ Selangor, Ahad lalu.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Khaw Kok Chin berkata, terdahulu seorang lelaki warganegara Indonesia membuat laporan di Balai Polis Kinrara, Selangor mendakwa isterinya yang sedang bercuti di Georgetown di sini, diculik sekumpulan individu tidak dikenali.

Katanya, lelaki berkenaan mendakwa isterinya dikurung dan dicederakan di lokasi yang tidak diketahui dan suspek meminta wang berjumlah RM540,000 bagi melepaskan mangsa.

"Bertindak atas maklumat, mangsa berjaya diselamatkan dalam Op Scorpion menerusi serbuan terhadap sebuah rumah di Shah Alam, Selangor pada jam 5.10 pagi. Turut diselamatkan seorang lagi lelaki yang mendakwa dikurung kerana gagal menjelaskan hutang dan kedua-dua mangsa masing-masing berusia 36 dan 27 tahun," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang di sini, semalam.



GAMBAR mangsa yang didera oleh suspek. - Gambar NSTP/MIKAIL ONG



**"Polis masih menjalankan siasatan sama ada suspek mempunyai kaitan dengan sindiket along"**

Mengulas lanjut Kok Chin berkata, susulan itu pada hari yang sama antara jam 6 pagi hingga 10.30 malam, polis berjaya menahan 14 suspek yang disyaki terbabit dalam kes itu.

Katanya, mereka terdiri daripada 10 lelaki dan dua wanita warga tempatan serta dua lelaki warga asing yang berusia antara 23 hingga 70 tahun.

"Mereka ditahan di sekitar Pulau Pinang, Perak, Kuala Lumpur dan Selangor dan ujian saringan air kencing terhadap semua suspek didapati negatif dadah selain lima daripadanya mempunyai rekod lampau berkaitan jenayah dan dadah. Semua suspek termasuk dalang yang berusia 35 tahun direman tujuh hari sehingga 23 September bagi membantu siasatan," katanya lagi.

Antara yang dirampas ialah empat kereta, telefon bimbit, pengikat kabel, jarum, batang besi, rantai besi, getah paip dan wang tunai berjumlah RM4,800.

Menurut Kok Chin, siasatan mendapati pengadu yang bekerja sebagai kontraktor di Malaysia itu berhutang dengan suspek dan sudah menjelaskan RM50,750 menerusi dua transaksi namun mangsa masih tidak dibebaskan.

"Polis masih menjalankan siasatan sama ada suspek mempunyai kaitan dengan sindiket along. Hutang perlu dijelaskan, tetapi cara dilakukan suspek tidak wajar," katanya.

Mangsa masih dirawat di hospital serta dalam keadaan stabil dan kes disiasat mengikut Seksyen 3(1) Akta Culik 1961. Semalam, Harian Metro melaporkan kenyataan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain mengenai penculikan itu.

TAJUK : SELAMAT EMPAT REMAJA BURUH PAKSA

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 23 SEPT 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

# Selamat empat remaja buruh paksa

**Klang:** Empat remaja berusia 17 tahun dieksploitasi menjadi buruh paksa sebelum diselamatkan polis hasil serbuan di sebuah kilang logam terpakai di Telok Gong di sini.

Serbuan jam 3.30 petang kelmarin itu dijalankan anggota Bahagian Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran D3 (Atipsom) Bukit Aman bersama Pasukan Khas Majlis Anti Pemerdagangan Orang (MAPO) Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Tenaga Kerja.

Ketua Penolong Pengarah D3 Atipsom, JSJ Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Fadil Marsus berkata, mangsa yang diselamatkan membabitkan tiga remaja lelaki dan seorang remaja perempuan warga Myanmar.

"Hasil siasatan awal, mereka baru bekerja di kilang berkenaan antara dua hingga lima bulan lalu.

"Kilang berkenaan disyaki sudah beroperasi kira-kira dua tahun lalu dan tidak memiliki lesen perniagaan," katanya.

Dalam serbuan itu, Fadil berkata, seramai 40 warga asing termasuk 10 wanita berusia 21 hingga 45 tahun turut ditahan atas kesalahan tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan sah.

Menurutnya, warga asing lelaki yang ditahan terdiri daripada 34 warga Myanmar; Kemboja (3); Nepal (2) dan Bangladesh (1).

Tambah beliau, polis turut menahan dua lelaki tempatan berusia 21 dan 31 tahun yang berperanan sebagai pengurus serta pembantu pengurus kilang.

"Operasi itu dijalankan bagi mengenal pasti mangsa pemerdagangan orang berpandukan kepada *National Guideline on Human Trafficking Indicators* (NGHTI) yang dibangunkan untuk membantu agensi penguat kuasa," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 44(1) dan Seksyen 14 Akta Atipsom 2007, Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966, Seksyen 55B dan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

Katanya, pihak Jabatan Tenaga Kerja pula menjalankan siasatan mengikut Akta Kerja dan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446).

**Serbuan dilakukan di sebuah kilang logam terpakai di Telok Gong**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | IMMIGRATION DEPT BUSTS SYNDICATE FORGING UNHCR DOCUMENTS | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 23 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

TWO ARRESTED

# Immigration Dept busts syndicate forging UNHCR documents

**KANGAR:** The Immigration Department has uncovered a syndicate forging United Nations High Commissioner For Refugees (UNHCR) documents for asylum seekers following the arrest of a Myanmar couple who used a madrasah (religious school) for Rohingya children in Simpang Empat as a front for their activities.

Perlis Immigration Department director Khairul Amin Talib said the 10am raid at Kampung Permatang Pauh in Simpang Empat on Thursday was carried out by 36 enforcement officers under Op Serkap after receiving a tip-off from the public.

"The raid was carried out on seven houses rented by the Rohingya community.

"Upon inspection, we found that one of the premises was used as a madrasah to teach the *Quran* to children.

"The raiding team also found a laptop containing 200 documents, in PDF format, of suspected forged UNHCR documents for Myanmar nationals.

"We believe that the 30-year-old suspect, who taught the *Quran* at the premises, and his 24-year-old wife were the masterminds behind this scheme," he said at a press conference in his in office yesterday.

Khairul Amin said the raiding team also found a forged marriage certificate used by the community, also suspected to be produced by the couple.

"Initial investigations showed that the man had received requests to produce the documents and was was charging people RM50 per document .

"Once the certificate is ready, it will be sent in a PDF format to the customers via WhatsApp or other mobile applications to be printed out.

"Checks on his laptop showed 200 applications by Myanmar nationals from the Rohingya community.

"We also seized two laptops, a smartphone and a tablet during the raid," Khairul Amin said.

The raiding team also seized a pen drive, two SD cards, two sets of business cards, two log books containing students' records and payment for the UNHCR documents, RM3,500 in cash and several printed copies of certificates bearing the UNHCR logo and a marriage certificate for Rohingya people in Malaysia.

The department did not rule out the possibility that the man had conducted a marriage solemnisation ceremony for couples from the community, based on the discovery of a marriage solemnisation preaching text in their possession.

The couple have been remanded for two weeks from Thursday for further investigations under the Immigration Act.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS RESCUE ABDUCTED INDONESIAN WOMAN | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 23 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


10-DAY ORDEAL

# POLICE RESCUE ABDUCTED INDONESIAN WOMAN

She was locked up, tortured after husband failed to settle business debt

AUDREY DERMAWAN
**GEORGE TOWN**
audreymd@nst.com.my

AN Indonesian woman's worst fears came true when she was kidnapped, held captive and tortured for 10 days across various states, including Penang.

State police chief Datuk Khaw Kok Chin said the victim, 36, from Medan, was abducted on Sept 7 by three men while on a vacation here with her three female friends.

He said the vict im was kidnapped in Paya Terubong before being locked up in Butterworth.

He said the victim's three friends were released unharmed by the suspects halfway through.

"The victim was locked up for three days in Butterworth, four days in Puchong and three days in Shah Alam. She was finally rescued from a house in Shah Alam on Sept 17 after her husband lodged a police report.

"The suspects had changed the victim's location several times to make it difficult for the police to track her down.

"During the rescue operation, police also found a 27-year-old foreign man who was kidnapped in an unrelated case," he said at a press conference at the state police headquarters here yesterday.

Khaw said the victim was found with injuries all over her body and was believed to have been chained, burned with cigarette stubs, pricked with needles, beaten and had her hands and feet restrained with cable ties.

"When found, the victim was in a weak state due to her injuries. She was, however, given food by her captors.

"The victim, who operates an online business, is being treated at a hospital and is reported to be in stable condition."

Khaw said the victim was kidnapped on Sept 7, but her husband, 47, only lodged a report on Sept 15.

"After the kidnapping, one of the suspects had asked the victim to contact her husband in Indonesia to settle a RM540,000 business debt. The husband made two transactions totalling RM50,750 on Sept 12 and Sept 13 to the group's mastermind.

"However, the suspects did not release his wife, prompting the man to travel to Kuala Lumpur on Sept 15 to lodge a report. Following the report, police carried out Op Scorpion Rantai Penang to locate the victim."

He said during the operation, police nabbed 14 suspects, including two foreign men, in Selangor, Perak and Kuala Lumpur.

"Among those detained were the mastermind, aged 35, nine Malaysian men, two Malaysian women and two foreign men, all aged between 23 and 70.

"Five of the suspects had previous records involving criminal and drug offences. None of them tested positive for drugs," he said, adding that they had been remanded until Sept 23 to assist in investigations.

Khaw said further investigations revealed that the main suspect was the business partner of the victim's husband, and the husband was believed to have failed to settle a business debt, which led to the kidnapping.

"Both of them are contractors with businesses in Kuala Lumpur. Upon seeing that the business debt had not been settled, the suspect became enraged and kidnapped his friend's wife.

"We seized several items, including 23 mobile phones, 36 cable ties, RM4,800 in cash, a metal chain and rod. Also seized were four vehicles used to transport the victim."

The case is being investigated under Section 3(1) of the Kidnapping Act 1961.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HOUSEWIFE HELD FOR A HARROWING 10 DAYS IN KIDNAP PLOT | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 23 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Housewife held for a harrowing 10 days in kidnap plot

**GEORGE TOWN:** For 10 days, a foreign housewife had lived in fear for her life while enduring physical abuse from her kidnappers.

Being moved from one location to another, from Penang to Selangor, the 36-year-old saw no light at the end of the tunnel despite a ransom of RM50,750 having been paid. Her nightmare finally ended when the police came into the picture.

Penang police chief Comm Datuk Khaw Kok Chin said the victim had travelled to Malaysia with her husband, who occasionally visited Kuala Lumpur for business purposes. She was abducted on Sept 7 while holidaying here with three friends.

"Her friends were released unharmed midway while the victim was transported to a hideout in Paya Terubong before she was moved to a house in Butterworth.

"A few days later, the kidnappers took her to Selangor where they locked her up in various locations in Puchong and Shah Alam," he told a press conference here yesterday.

Comm Khaw said the kidnappers had demanded a ransom of RM540,000. The husband paid RM50,750 in separate transactions on Sept 12 and 13, but after he failed to secure her release, he lodged a police report on Sept 15.

A joint operation by police from Penang and the Bukit Aman Criminal Investigation Department was launched.

Comm Khaw said the victim was rescued from a house in Shah Alam two days later.

"She was very weak and with injuries all over her body. We believe she was chained, assaulted and tortured," he added.

He said police arrested 14 people in several locations in Selangor, Kuala Lumpur and Perak between 6am and 10.30pm on the same day.

Initial investigation revealed that the mastermind, a 35-year-old Malaysian, is the business partner of the victim's husband, who had failed to settle a debt.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MOE LAUNCHES GUIDES TO ADDRESS BULLYING, SEXUAL HARASSMENT | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 23 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# MOE launches guides to address bullying, sexual harassment

**BUKIT MERTAJAM:** Two guidelines for managing issues of misconduct, especially those related to bullying and sexual harassment, have been launched by the Education Ministry (MOE) to create a safe ecosystem within educational institutions.

Minister Fadhlina Sidek said both guidelines are crucial for sustaining advocacy efforts to ensure that awareness, responsibility and concern for these issues can be collectively addressed.

She said the committee responsible for formulating both guidelines also took into account recent changes, such as redefining cyberbullying and proposing intervention programmes for managing bullying and sexual harassment.

"We hope all members of MOE will give their commitment to implementing these guidelines to ensure that these issues can be resolved immediately.

"The focus of these guidelines is to protect human dignity and prevent violation against it from happening within our school ecosystem," she told a press conference after officiating at the Sahsiah Terbilang Hentikan Buli: Membentuk Anak Yang Baik Lagi Cerdik (Distinguished Personality Stops Bullying: Forming Better and Smarter Children) programme here on Friday.

Fadhlina said the programme is an example of MOE's intervention in curbing the symptoms of bullying among students by providing guidance and awareness about the harmful impact of bullying on mental and physical health, as well as educating students not to engage in such behaviour.

She also said bullying, sexual harassment and racial discrimination are the three "major sins" in the crosshairs of the ministry, where it will not compromise with offenders.

"In my opinion, the bullying situation in schools in this country is still under control and we already have an efficient working process to deal with this issue," Fadhlina said.

"However, if there are parties who are still not satisfied with this process, they can take legal action against any action we have taken."

She added that the ministry will issue a circular later to provide more details on the implementation of the guidelines. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TWO TEEN CLAIMS TRIAL TO RAPE OF 14-YEAR-OLD | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 23 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Two teens claim trial to rape of 14-year-old

**IPOH:** Two teenagers, one of whom is a school dropout, have claimed trial at a Magistrate's Court here to two charges each of raping a 14-year-old girl.

The accused, aged 16 and 17, pleaded not guilty after the charges under Section 376(1) of the Penal Code were read yesterday.

They were accused of committing the offences at a house in Kampung Sindu at 4.30pm on Sept 15, and 9.30am the next day.

If convicted, they face imprisonment of up to 20 years and whipping. Bail was set at RM3,000 with one surety and Nov 1 for mention for both accused.

Separately at the Sessions Court, an unemployed man, 22, pleaded guilty to raping his 11-year-old sister-in-law.

The father of one was charged under Section 376(2)(e) of the Penal Code, which was read along with Section 16 of the Sexual Offences Against Children Act.

The accused was said to have committed the offence at a house in Taman Bersatu here around 11pm on Sept 16.

He could face up to 30 years' jail and whipping, with the verdict to be delivered on Oct 23.